

# CUEPACS HARAP ELAUN WILAYAH KAKITANGAN SABAH DIKAJI SEMULA

NST 5/5/2011

OLEH KAMARUDDIN LIUSIN  
(kamaruddin@newsabahtimes.com.my)

**KOTA KINABALU:** Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berharap elaun wilayah bagi penjawat awam di Sabah dikaji semula apabila kali terakhir kenaikan dibuat 15 tahun lalu.

Presiden Cuepacs, Datuk Omar Osman berkata, perkara itu perlu dikaji semula berdasarkan kos sara hidup meningkat dan kenaikan beberapa harga barang keperluan di negeri ini.

Katanya, kali terakhir kenaikan elaun wilayah yang dibuat pada 15 tahun lalu iaitu sebanyak 14 hingga 24 peratus daripada gaji pokok.

"Cuepacs berharap elaun wilayah bagi penjawat awam di Sabah akan meningkat antara lima hingga 10 peratus daripada skim gaji sekarang, sekali gus dapat membantu meringankan bebanan kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan taklimat kepada kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS) sempena Hari Pekerja di UMS kelmarin.

Omar berkata, kenaikan elaun wilayah di Sabah adalah berpatutan kerana bantuan sara hidup (COLA) tidak terdapat di negeri ini.

Menurutnya, dengan kenaikan itu, ia dapat mengimbangi pendapatan masyarakat Sabah di luar bandar kerana kos sara hidup di situ juga semakin meningkat seperti di bandar.

Selain itu katanya, Cuepacs akan terus

memperjuangkan cadangan supaya COLA semua penjawat awam diselaraskan kepada RM300 sebulan.

Tambahnya, kesatuan turut meminta beberapa perkara lain termasuk kajian semula berhubung Sistem Saraan Malaysia (SSM), melakukan permohonan semula terhadap COLA dan gaji penyelarasan serta menaikkan taraf gred.

Omar berharap gred satu hingga 16 yang melibatkan kelulusan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dimansuhkan.

"Gred tersebut kini dalam kajian pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan beberapa memorandum berhubung perkara itu telah dihantar ke pihak berkenaan.

"Saya berharap pada hujung tahun ini, kita akan mendapat keputusannya," katanya.